

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/2015**

=====

**PENYERAGAMAN PROSEDUR PENERIMAAN DOKUMEN HAKMILIK
KELUARAN KOMPUTER (DHKK) SEMASA URUSAN DI KAUNTER
PENDAFTARAN BAGI TUJUAN URUSAN URUSNIAGA DAN BUKAN
URUSNIAGA**

=====

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pendaftar Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan semua Pentadbir Tanah mengenai Penyeragaman Prosedur Penerimaan Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Semasa Urusan Di Kaunter Pendaftaran Bagi Tujuan Urusan Urusniaga dan Bukan Urusniaga.

2. LATAR BELAKANG DAN ASAS PERTIMBANGAN

- 2.1 Terdapat banyak kes penipuan yang berlaku melibatkan transaksi urusniaga dan bukan urusniaga dengan menggunakan DHKK yang palsu semasa urusan di kaunter pendaftaran; dan
- 2.2 Bagi mengelakkan perkara ini berulang, Pengarah Tanah Galian Selangor telah mengarahkan Penyeragaman Prosedur

Penerimaan Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) agar kes penipuan melibatkan DHKK palsu tidak berlaku.

- 2.3 Semakan yang terperinci terhadap setiap perserahan yang melibatkan DHKK meliputi **butiran hakmilik tanah dan pemilik tanah serta penerima urusaniaga dan bukan urusaniaga** serta **nombor siri** dan **bar code** perlu didaftarkan dengan sempurna.

3. KAEDAH DAN PELAKSANAAN

- 3.1 Sehubungan dengan itu, Pendaftar Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan semua Pentadbir Tanah hendaklah memastikan semakan terhadap perserahan yang melibatkan DHKK disemak secara terperinci dari segi DHKK tersebut mempunyai **nombor siri** dan **bar code**.

4. BERKUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini adalah **berkuat kuasa serta merta** dan Pendaftar Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan semua Pentadbir Tanah adalah diarahkan untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan.



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

D.P.M.S.,B.C.M.,B.K.T.,P.J.K.

Pengarah Tanah Galian Selangor,

Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 1.6.2015